

Ambil tindakan mahkamah jika perbuatan khianat

UM 2 JUL 2001

KUALA LUMPUR 1 Julai — Pelbagai pihak mahu tindakan mahkamah dikenakan ke atas pihak yang bertanggungjawab membakar Dewan Tunku Canselor (DTC) Universiti Malaya (UM) jika kejadian itu merupakan perbuatan khianat.

Menurut mereka, kebakaran DTC awal pagi kelmarin merupakan kerugian besar kepada sejarah pendidikan negara yang dibangunkan menerusi perjuangan orang Melayu.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri berkata, merosakkan harta benda milik awam untuk melahirkan rasa tidak puas hati kepada kerajaan tidak boleh dimaafkan.

Apatah lagi, kata beliau, jika ia dilakukan oleh golongan terpelajar dan dihormati masyarakat.

"Kita mahu pihak yang bertanggungjawab terhadap kebakaran itu dikenakan tindakan tegas oleh mahkamah," katanya kepada *Utusan* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kebakaran yang berlaku pada pukul 3.40 pagi kelmarin yang memusnahkan dewan berusia 35 tahun itu dua hari sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berucap kepada 3,000 mahasiswa dari 15 buah pusat pengajian tinggi seluruh negara hari ini.

Ia dikatakan berlaku ketika terdapat gerakan yang cuba menghalang kehadiran Dr. Mahathir menerusi penyebaran risalah kecil dalam kampus UM sejak beberapa hari lalu.

Pelbagai pihak percaya kejadian itu mungkin disebabkan oleh perbuatan khianat.

Dalam kejadian terbaru, bangunan Matematik dan Sains Komputer Universiti Putra Malaysia (UPM) terbakar yang juga dipercayai perbuatan khianat, petang semalam.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar

Melayu Semenanjung (GPMS) Syed Anuar Sved Mohamad berkata, jika benar ia berpunca daripada perbuatan khianat, mereka yang terbabit hendaklah dikenakan tindakan sewajarnya.

Katanya, tindakan itu penting sebagai iktibar kepada sepelintir masyarakat yang tidak pernah mahu bersyukur di atas setiap kemudahan yang disediakan.

"CPMS terlalu sedih di atas peristiwa kebakaran yang melibatkan Dewan Tunku Canselor (DTC) Universiti Malaya (UM) serta Bangunan Matematik dan Sains Komputer Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Jika benar kejadian itu disebabkan perbuatan khianat, mereka yang terbabit mestilah dikenakan tindakan yang paling berat," katanya.

Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Datuk Dr. Mohd. Yusof Noor berkata, jika terbukti ia disebabkan oleh perbuatan sabotaj, golongan tersebut hendaklah dikenakan tindakan sewajarnya.

Masyarakat, jelasnya, tidak akan bertolak ansur dengan perbuatan yang buruk seperti itu kerana ia mungkin menjadi kebiasaan yang akan mencemarkan imej negara.

Pandangan itu turut disokong oleh Pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda UMNO, Dr. Adham Baba yang mendakwa mempunyai bukti wujudnya penglibatan pelajar dalam merancang kejadian buruk di UM.

"Ini berdasarkan hasil siasatan awal kita," jelasnya.

Sementara itu, Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Profesor Hamdan Adnan berkata, penglibatan pelajar dalam gerakan militan mungkin menyebabkan konsep universiti terbuka yang diamalkan selama ini terpaksa dihentikan.

Ini kerana, katanya, kawalan keselamatan yang ketat selama 24 jam terpaksa

diadakan bagi memastikan tidak ada kejadian buruk berlaku dalam kampus.

Setiausaha Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Negeri Sembilan, Mohd. Noor Isa berkata, kerajaan perlu memantau kemungkinan para pelajar di pusat pengajian tinggi awam (IPTA) dipengaruhi oleh kumpulan militan hingga sanggup bertindak ganas untuk kepentingan pihak tertentu.

Beliau bimbang jika perbuatan ala militan dan ganas ini tidak dibendung segera, dikhawatiri boleh mengancam keselamatan negara.

Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Negeri Sembilan, Datuk Goh Siow Huat pula berkata, pihaknya mahu siasatan menyeluruh dijalankan termasuk pihak di luar kampus.

Beliau juga mahu semua pihak memberi kerjasama mengenal pasti pihak yang terlibat serta dikenakan hukuman setimpal.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Alumni Perubatan Universiti Malaya, Dr. Sng Kim Hock menggesa pihak polis dan Jabatan Bomba dan Penyelamat menyiasat secara terperinci punca kejadian itu.

"Jika didapati ia berpunca daripada perbuatan khianat, mereka yang terbabit perlu dihadapkan ke muka pengadilan.

Sementara itu, di ALOR SETAR, Ketua Puteri UMNO Kedah, Suraya Yakkob berkata, sikap pengurusan UM yang tidak mengambil tindakan disiplin terhadap pelajarannya yang melanggar peraturan universiti menyebabkan pelbagai masalah timbul.

Katanya, kebakaran DTC yang dikaitkan dengan perbuatan khianat pelajar merupakan kesan daripada sikap UM yang tidak bertindak terhadap pelajarannya.